

04/07/2004

Tengku Razaleigh dan sejarah pemilihan Umno

AHLI Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, walaupun hanya ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno dan tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan, apabila mengeluarkan kenyataan, terutama menjelang pemilihan Umno seperti sekarang, menimbulkan pelbagai spekulasi.

Malah, selain Tun Dr Mahathir Mohamad, di kalangan tokoh Umno yang tidak lagi memegang jawatan kanan dalam parti sekarang, Razaleighlah yang sentiasa menarik perhatian, mengatasi Tan Sri Musa Hitam atau Tun Ghafar Baba.

Sebabnya tidak sukar difahami. Dalam sejarah politik Umno, sekurang-kurangnya dalam konteks pemilihan parti itu sejak 1981, Razaleigh dilihat berani menentang arus. Pada 1981, beliau bertanding jawatan Timbalan Presiden, yang kosong apabila Dr Mahathir menggantikan Tun Hussein Onn sebagai Presiden Umno, tetapi tewas di tangan Tan Sri Musa Hitam.

Pada 1984, beliau sekali lagi mencuba nasib tetapi tewas kepada Musa yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri. Pada 1987, beliau mencabar Tun Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden tetapi tewas, manakala Musa, yang meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 1985, gagal mempertahankan jawatan Timbalan Presiden kepada Ghafar, yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri.

Pertandingan 1987 bukan saja diingat sebagai paling sengit dalam sejarah parti tetapi menyaksikan kumpulan yang tewas, membawa Umno ke mahkamah sehingga diisytiharkan tidak sah dari segi undang-undang.

Setahun selepas itu, Razaleigh, bersama sebahagian besar penyokongnya, yang gagal menubuhkan semula Umno, membentuk parti baru, Semangat 46 dan bertanding pada pilihan raya umum 1990 dan 1995. Selepas sokongan rakyat terhadap Semangat 46 semakin menurun, pada 1997, Razaleigh membubarkannya dan mengetuai ahli parti itu kembali ke pangkuan Umno.

Pada tahun 2000, penyokong Razaleigh cuba mencalonkannya untuk dua jawatan tertinggi parti tetapi gagal memenuhi kuota pencalonan, yang diperkenalkan pada pertengahan 1990-an. Beliau hanya mendapat satu pencalonan bagi kerusi Presiden dan dua untuk jawatan Timbalan Presiden.

Sistem kuota diperkenalkan pada pertengahan 1990-an, menggantikan sistem undi bonus, bagi mengelak keadaan di mana seseorang calon mendapat undi yang tidak mencerminkan pencalonan dari bahagian dan mencegah amalan politik wang.

Sang Lamri mengimbau semula secara ringkas sejarah pemilihan Umno ini sebagai menjawab pertanyaan, terutama di kalangan generasi muda Umno, kenapa nama Razaleigh, walaupun sudah meninggalkan kerajaan sejak 17 tahun lalu, sentiasa muncul menjelang pertandingan parti.

Bagaimanapun, berdasarkan kejayaan besar Barisan Nasional pada pilihan raya umum lalu, yang menyaksikan Umno merampas semula Terengganu dan hampir menubuhkan kerajaan di Kelantan, apakah perlu pucuk pimpinan parti sekarang dicabar, sama ada oleh Razaleigh atau orang lain?

(END)